

'UPNM perlu teroka bidang strategik demi kepentingan negara' - Agong

Oleh **BERNAMA** - Jun 18, 2022 @ 1:05pm



Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menyampaikan Anugerah Pingat Emas Pelajaran Diraja kepada Malisha Nurhanani Mustaffa Kamal pada Istiadat Konvokesyen ke-11 Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, bertitah negara perlu terus berusaha melahirkan graduan anak tempatan untuk mengisi profesion bernilai tinggi dalam bidang strategi pertahanan dan keselamatan yang semakin dinamik.

Justeru, titah baginda, pihak berkenaan seperti Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) perlu terus meneroka bidang ilmu terbaharu, bagi menentukan negara sentiasa mempunyai barisan pemikir dan sarjana, yang berupaya merangka pelan jangka panjang bagi melindungi kepentingan strategik negara.

"Semua rakan strategik UPNM, khususnya Kementerian Pertahanan, Angkatan Tentera Malaysia dan industri pertahanan, untuk terus mengukuhkan sinergi yang telah terbentuk erat demi menjulang UPNM ke tahap yang tinggi," titah Seri Paduka sempena Istiadat Konvokesyen ke-11, sidang pertama, UPNM di Pusat Dagangan Dunia di sini, hari ini.

Turut berangkat Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Turut hadir Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Noraini Ahmad dan Naib Canselor UPNM, Lt Jen Datuk Hasagaya Abdullah.

Al-Sultan Abdullah yang juga Canselor UPNM, turut bertitah negara perlu dilengkapi aset pertahanan dan keselamatan yang moden dan berteknologi tinggi.

Titah baginda, ia bagi menghadapi cabaran landskap keselamatan yang melalui pelbagai evolusi dan semakin kompleks, melibatkan ancaman baharu dalam bentuk siber dan elektronik.

"Justeru strategi bersepadu wajar dirangka bagi menentukan Malaysia mempunyai ekosistem digital yang kukuh, agar negara terus berdaya saing dalam mendepani transformasi dunia ke arah digital," Seri Paduka.

Menzahirkan ucapan tahniah kepada seluruh graduan yang berjaya menamatkan pengajian kali ini, Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan rasa bangga dengan pencapaian UPNM yang terus unggul mendominasi carta kebolehpasaran graduan dalam kalangan universiti awam.

"Ini jelas membuktikan bahawa universiti ini telah berupaya dalam melahirkan graduan yang berkualiti dan bersahsiah unggul," titah baginda.

Dalam pada itu, Seri Paduka turut bertitah mahasiswa di semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta, hendaklah diterapkan dengan semangat bantu membantu dan saling sayang menyayangi merentasi batas kaum dan agama.

"Semangat seperti ini wajar disuburkan dalam usaha membentuk sebuah masyarakat penyayang dan bersatu-padu, bagi mewujudkan sebuah bangsa yang cemerlang," titahnya.

Pada konvokesyen kali ini, sejumlah 2,229 pelajar telah berjaya menamatkan pengajian bagi tahun 2020 dan 2021.

Mereka termasuk 32 graduan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD), 118 dianugerah Ijazah Sarjana, 1,518 (Sarjana Muda) dan 561 (Diploma).

UPNM turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada tiga tokoh pertahanan negara.

Mereka ialah Pro-Canselor UPM yang juga Panglima Angkatan Tentera (PAT) ke-13 Laksamana (Bersara) Tan Sri Mohd Anwar Mohd Nor, dalam bidang Teknologi Maritim.

Turut menerima anugerah itu ialah PAT ke-14, Jeneral (Bersara) Tan Sri Abdul Aziz Zainal dalam bidang Strategik dan Hubungan Antarabangsa.

Pengerusi Lembaga Pengarah UPM yang juga Pengarah Urusan Kumpulan Weststar Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim pula menerima anugerah tersebut dalam bidang Kejuruteraan Aeronatik.

Istiadat kali ini turut menganugerahkan Hadiah Akademik 2020 dan 2021 kepada 83 graduan Ijazah Sarjana Muda. - BERNAMA